PERANAN DAN CABARAN AGENSI PELANCONGAN BUMIPUTERA DALAM ERA GLOBALISASI: SATU TINJAUAN AGENSI PELANCONGAN BUMIPUTERA DI NEGERI MELAKA DAN NEGERI SEMBILAN

OLEH:

HABSAH KASIM
MD. TAHIR ABD HAMID. PhD
NOR AZIZAH MOHAMMAD AMIN

FEBUARI 2006

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA

Kampus Alor Gajah
78000 Alor Gajah Melaka
Tel: 06 - 558 2000
Fax: 06 - 558 2001

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Unit Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan
Tel: 06-5582177

Surat Kami : 600-UiTMCM(URDC. 5/2/44)
Tarikh : Mac 2005

Puan Habsah Kasim
Pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka
MELAKA.

Tuan/Puan,

TAJUK PROJEK: Peranan dan Cabaran Agensi Pelancongan Bumiputera Dalam Era Globalisasi: Satu Tinjauan Agensi Pelancongan Bumiputera di Negeri Melaka dan Negeri Sembilan.

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa borang cadangan tuan/puan telah dinilai oleh Jawatankuasa Teknikal yang telah meneliti dan membuat keputusan berikut:

i. Bersetuju meluluskan cadangan penyelidikan yang telah dikemukakan oleh tuan/puan, Datuk Prof. Dr. Hj. Tahir Abdul Hamid dan Puan Nor Azizah Mohammad Amin.

ii. Tempoh projek penyelidikan ini ialah **12 bulan**, iaitu bermula **1 April 2005** hingga **31 Mac 2006**.

iii. Kos yang diluluskan ialah sebanyak **RM19,141.00** sahaja dari Geran Dalaman. Penggunaan geran yang diluluskan hanya akan diproses setelah perjanjian ditandatangani.

iv. Tuan perlu membelanjakan **50%** daripada geran penyelidikan yang telah diluluskan bagi projek tuan/puan dalam tempoh **6 bulan** pertama projek berjalan. Sehubungan itu, pihak IRDC akan memantau penggunaan geran penyelidikan tuan untuk memastikan 50% daripada jumlah geran yang diluluskan telah dibelanjakan sehingga bulan **Oktober 2005**.

v. Semua pembelian peralatan yang kosnya melebihi RM 500.00 satu item perlu menggunakan Pesanan Jabatan Universiti Teknologi MARA (LO). Pihak tuan/puan juga dikehendaki mematuhi peraturan penerimaan peralatan. Panduan penerimaan peralatan baru dan pengurusannya, dilampirkan.

vi. Semua peralatan/kelengkapan penyelidikan yang dibeli adalah menjadi hak milik fakulti. Semua peralatan/kelengkapan hendaklah diserahkan kepada pihak fakulti setelah tamat penyelidikan untuk kegunaan bersama.

vii. Seperti yang tuan/puan sedia maklum tuan/puan perlu membentangkan kertas kerja di Seminar Hasil Penyelidikan IRDC setelah projek tamat dijalankan nanti.

viii. Kertaskerja boleh dibentangkan di seminar selain daripada yang dianjurkan oleh IRDC setelah 75% deraf awal laporan akhir projek dihantar ke IRDC untuk semakan. Walaubagaimanapun, tuan/puan perlu membuat permohonan kepada pihak kami.
ix. Pihak tuan/puan dikehendaki mengemukakan **Laporan Kemajuan** kepada IRDC 3 kali setiap tahun iaitu pada bulan April, Ogos dan Disember sepanjang penyelidikan tuan/puan berjalan. **Laporan Akhir** perlu dihantar sebaik sahaja projek penyelidikan disiapkan. Format menulis laporan akhir boleh diperolehi di Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan.

x. Tuan/puan perlu menandatangani Borang Perjanjian Penyelidikan (disertakan) dan menyerahkannya kembali kepada pihak IRDC dengan kadar segera.

Sekian, terima kasih.

'SELAMAT MENJALANKAN PENYELIDIKAN'

Yang benar,

PROF. MADYA DR. MIZAN BIN HITAM
Pengarah Kampus

s.k. 1. Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institit Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan
Universiti Teknologi MARA
Shah Alam

2. Ketua URDC
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka

3. Timbalan Bendahari
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Melaka.

RMR/

Tarikh : 13 Febuari 2006
No. Fail Projek : 021072

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)
Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (IRDC),
UiTM, Shah Alam.

Tuan,

LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN ' PERANAN DAN CABARAN AGENSI PELANCONGAN BUMIPUTERA DALAM ERA GLOBALISASI: SATU TINJAUAN AGENSI PELANCONGAN BUMIPUTERA DI NEGERI MELAKA DAN NEGERI SEMBILAN'

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 3 (tiga) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk 'Peranan dan Cabaran Agensi Pelancongan Bumiputera dalam Era Globalisasi: Satu Tinjauan Agensi Pelancongan Bumiputera di Negeri Melaka dan Negeri Sembilan' oleh kumpulan Penyelidik dari Fakulti Pengurusan Perniagaan untuk makluman tuan.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

HABSAH KASIM
Ketua
Projek Penyelidikan.

ABSTRAK

Kajian ini telah dijalankan dengan cara mengedar borang soal selidik di kalangan agensi pelancongan bumiputera yang beroperasi di Negeri Sembilan dan Melaka. Sebanyak 20 agensi bumiputera telah menjawab soal selidik tersebut yang terdiri daripada 9 agensi dari negeri Melaka dan 11 agensi dari Negeri Sembilan. Selain daripada mengedarkan soal selidik, temu bual juga dijalankan dikalangan pemilik agensi-agensi terlibat serta mereka yang terlibat di dalam sektor pelancongan baik di peringkat pusat mahupun di peringkat negeri.

Hasil daripada kajian mendapati bahawa agensi-agensi pelancongan bumiputera di kedua-dua negeri iaitu di Negeri Sembilan dan Melaka memang menghadapi cabaran dan masalah dalam menjalankan perniagaan mereka seperti menghadapi persaingan yang hebat daripada agensi pelancongan bukan bumiputera, lokasi perniagaan yang tidak strategik, sukar mendapatkan pinjaman, pengurusan pentadbiran dan kewangan yang kurang cekap, memiliki modal yang kecil serta sebilangan daripada mereka tidak mengikut syarat kontarak bayaran kepada pembekal yang mengakibatkan mereka kehilangan kontrak.

Cadangan dan saranan telah dikenal pasti dan diharap dapat diaplikasikan oleh mereka yang terlibat dalam sektor pelancongan terutama oleh agensi-agensi pelancongan milik bumiputera. Antara saranan tersebut ialah memperbanyakkan produk-produk pelancongan baru seperti 'heritage historical tourism', meluaskan konsep 'homestay', mewujudkan perkampungan Minangkabau di Negeri Sembilan, memperkenal dan memperluaskan konsep 'Agro-tourism', 'Gastronomy Tourism' dan 'Cosmetic and Health Tourism'. Di samping itu pengusaha agensi pelancongan bumiputera adalah disarankan agar dapat berubah sikap dan perlu berfikir ke hadapan.